



**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA**  
**RAYUAN SIVIL NO: W-01(NCvC)(W)-61-01/2020**  
**TARIKH PENDENGARAN: 16.07.2021 (JUMAAT)**

**KORAM:**

YA DATO' MOHAMAD ZABIDIN BIN MOHD. DIAH, HMR  
YA DATUK VAZEER ALAM BIN MYDIN MEERA, HMR  
YA TUAN DARRYL GOON SIEW CHYE, HMR

**PIHAK-PIHAK:**

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| 1. DR. FATIMAH BT AHMAD FAUZI  |                       |
| 2. DR. VIJAYAN MUNUSAMY  |                       |
| 3. PENGARAH HOSPITAL KUALA LUMPUR  |                       |
| 4. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  |                       |
| 5. KERAJAAN MALAYSIA<br>(JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC))  | ...Perayu/Defendant   |
| lwn  |                       |
| 1. FAZLI BIN SUBOH   |                       |
| 2. UMI AL-KHAIR FATIMAH BINTI IDRIS  |                       |
| 3. NUR DAMIA LUTFIAH BINTI FAZLI (seorang budak melalui Fazli bin Suboh bapa dan sahabat wakilnya) | ...Responden/Plaintif |
| (ZAILAN & CO.)   |                       |

**FAKTA RINGKAS:**

Pada 22.07.2009, Plaintiff Ketiga, seorang kanak-kanak di bawah umur, dilahirkan di Hospital Kuala Lumpur dalam keadaan yang digambarkan sebagai 'flat'. Plaintiff Ketiga kemudian didiagnos mengalami hypoxic ischaemic encephalopathy (HIE).

Pada 15.12.2014, Plaintiff-Plaintiff telah memfailkan tuntutan terhadap Defendant-Defendant untuk gantirugi am dan khas sebagai pampasan bagi keadaan yang dialami oleh Plaintiff Ketiga akibat daripada kecuaian perubatan oleh Defendant-Defendant.

Pada 14.01.2020, setelah perbicaraan penuh, Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) telah membenarkan tuntutan Plaintiff terhadap Defendant Pertama, Ketiga dan Kelima dan menolak tuntutan tersebut terhadap Defendant Keempat. HMT mengawadkan gantirugi berjumlah RM2,329,100.00, kos sebanyak RM316,968.05 dan faedah untuk dibayar kepada Plaintiff-Plaintiff.

Tidak berpuashati dengan keputusan HMT, Defendant-Defendant memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 24.01.2020.

**KEPUTUSAN MAHKAMAH RAYUAN:**

Rayuan ke Mahkamah Rayuan telah didengar pada hari ini, dan secara sebulat suara diputuskan seperti berikut:

Atas isu liabiliti, tiada kesilapan dari segi undang-undang atau fakta oleh HMT yang mewajarkan campur tangan di peringkat rayuan. Rayuan terhadap liabiliti ditolak. Keputusan HMT atas isu liabiliti disahkan.

Atas isu gantirugi yang diawadkan, Mahkamah Rayuan mendapati terdapat kesilapan sebagaimana disahkan oleh HMT dalam Alasan Penghakiman beliau, iaitu berkenaan dengan kos terapi sebanyak RM2,500.00 dan kos penjagaan di pusat jagaan sebanyak RM5,520.00. Kedua-dua item ini diketepikan daripada awad yang diberikan oleh HMT. Awad yang lain disahkan.

Kos rayuan sebanyak RM50,000.00 dibayar kepada Plaintiff-Plaintiff.

**Tarikh:           16 Julai 2021**